

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

SOALAN NO. 311

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penumpang harian, pendapatan serta perbelanjaan operasi bagi MRT Line 1 bagi tahun 2018 dan tempoh Januari - Jun 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2018, seramai 51 juta penumpang dengan purata harian seramai kira - kira 140 ribu penumpang telah menggunakan perkhidmatan MRT Line 1. Berdasarkan jumlah ini, jumlah hasil pendapatan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM120,455,343 dengan kos operasi berjumlah RM162,265,357.

2. Bagi tempoh Januari 2019 hingga Mei 2019, jumlah penumpang yang telah menggunakan perkhidmatan MRT Line 1 adalah seramai 25 juta dengan purata penumpang harian kira - kira 168 ribu. Ini merupakan peningkatan sebanyak 32% jumlah penumpang berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Peningkatan penumpang ini telah mencatatkan jumlah pendapatan dari Januari 2019 hingga Mei 2019 sebanyak RM70,581,654 manakala kos operasi bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM64,209,654. Ini merupakan peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 65% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.